

**IRSYAD HUKUM (PANDUAN HUKUM) BIL. 19**  
**HUKUM PEMAKAIAN PAKAIAN TENTERA YANG MEMPUNYAI KALIMAH**  
**“ALLAH” DAN “MUHAMMAD” TERHADAP MAYAT BUKAN ISLAM DALAM**  
**UPACARA PENGKEBUMIAN**

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 194 yang bersidang pada 7 Rabiulawal 1443 bersamaan 14 Oktober 2021 telah memperaku untuk menerima pakai keputusan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam (MKI) sebagai Irsyad Hukum (Panduan Hukum) mengenai Hukum Pemakaian Pakaian Tentera Yang Mempunyai Kalimah “Allah” Dan “Muhammad” Terhadap Mayat Bukan Islam Dalam Upacara Pengkebumian. Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan-pandangan yang dikemukakan, mesyuarat menegaskan bahawa Lafadz Al-Jalalah (Allah) dan Muhammad (Nabi Muhammad SAW) adalah merupakan kalimah yang **wajib** dipelihara kehormatannya daripada sebarang perkara yang boleh mencemarkannya seperti memakai atau membawa kalimah-kalimah tersebut ke upacara ibadat orang bukan Islam ataupun ke tempat-tempat yang boleh menyebabkan terkena najis.

Mesyuarat juga menegaskan bahawa para ulama' berpandangan bahawa adalah haram menulis sesuatu daripada ayat al-Quran atau nama yang diagungkan pada sesuatu objek yang berkaitan dengan mayat kerana ia akan terkena najis nanah yang bercampur darah. Sehubungan itu bagi menjaga kehormatan kedua-dua kalimah tersebut, mesyuarat bersetuju memutuskan bahawa penggunaan pakaian tentera atau sebagainya yang mempunyai kalimah Allah dan Muhammad sama ada dalam tulisan rumi atau jawi pada mayat orang Islam atau bukan Islam adalah dilarang.

Tarikh: 24 Jun 2022

No. fail: MN.Pk.A351.IST/05/9 JLD. 9

Saya yang menjalankan amanah



(Dato' Haji Zamri bin Hashim)  
Timbalan Mufi Negeri Perak